

KAJIAN KEKOMPETENAN PEGAWAI PENGESAH DALAMAN (PPD)

Abstrak

Perkembangan ekonomi dan sektor perindustrian telah menyebabkan peningkatan dalam penggunaan teknologi tinggi dan terkini. Perubahan ini mempunyai banyak implikasinya terhadap pembangunan tenaga mahir khususnya keperluan kemahiran baru dan peningkatan kemahiran yang sediaada. Sistem latihan kemahiran dan vokasional sediaada serta personel yang terlibat perlu fleksibel dan responsif untuk memenuhi cabaran-cabaran baru tersebut. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kekompetenan Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) di pusat bertauliah yang menjalankan program Persijilan Kemahiran Malaysia. Kajian telah dilakukan melalui kaedah pensampelan ke atas Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) di 300 buah Pusat Bertauliah seluruh negara menggunakan borang soal selidik. Didapati majoriti PPD di Pusat Bertauliah mempunyai pengalaman yang luas yang dapat membantu mereka dalam memberi bimbingan teknikal dan pengurusan kepada Pegawai Penilai. Hubungan di antara pengalaman kerja dan pengalaman sebagai PPD menggambarkan bahawa walaupun PPD di Pusat Bertauliah kurang pengalaman sebagai PPD tetapi mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kemahiran mereka di mana ia dapat membantu dalam mengendalikan tugas-tugas sebagai PPD. Beberapa cadangan penambahbaikan seperti peningkatan kelulusan PPD, pengalaman di industri, bilangan program yang bersesuaian dicadangkan bagi memantapkan lagi Pegawai Pengesah Luaran di Pusat Bertauliah.